

Tel. : 088-369965/369971

Faks: 088-211016/422113



**PEJABAT
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
Jabatan Ketua Menteri
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)**
Aras 28, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia

Rujukan : JKM.100-4/62

Tarikh : 11 April 2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah / Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**PELANJUTAN TEMPOH ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH BERIKUTAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN PENUTUPAN PREMIS KERAJAAN
DILANJUTKAN SEHINGGA 28 APRIL 2020**

Dengan hormatnya, saya merujuk Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 10 April 2020 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilanjutkan hingga 28 April 2020 untuk memberi ruang kepada petugas-petugas kesihatan memerangi penularan COVID-19, selain mengelakkan penularan semula wabak ini dalam masyarakat.

3. Oleh yang demikian, YBhg. Datuk/Tuan/Puan dikehendaki untuk mengambil tindakan seperti berikut:-

3.1. Penjawat Awam Negeri

- (a) Surat arahan bekerja dari rumah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan premis kerajaan yang dikeluarkan melalui JKM.100-4/62 bertarikh 17 Mac 2020 masih berkuatkuasa **sehingga 28 April 2020**.
- (b) Sila keluarkan **surat arahan pelanjutan** kepada mana-mana penjawat awam yang dikehendaki bertugas di pejabat atau di lapangan dengan mengemukakan sesalinan ke pejabat ini. Penjawat awam tersebut hendaklah sentiasa membawa surat arahan pelanjutan bertugas.

Rujukan : JKM.100-4/62
Tarikh : 11 April 2020

3.2 Pelaksanaan Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

- (a) Semua arahan yang telah diberikan dan telah dikeluarkan sebelum ini melalui surat atau Kenyataan Media oleh Kerajaan Negeri Sabah dilanjutkan sehingga **28 April 2020**.
- (b) Kementerian / Jabatan / Pejabat Darah / Badan Berkanun Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan yang ada menyatakan tempoh kuatkuasa sehingga 14 April 2020 hendaklah dikeluarkan arahan tambahan dengan melanjutkan tempoh kuatkuasa sehingga 28 April 2020.

4. Sehubungan dengan itu, sila pastikan perkara ini dipatuhi untuk memastikan penularan semula wabak COVID-19 dapat dibendung dan tiada kes positif COVID-19 baharu berlaku di Negeri Sabah.

5. Arahan ini berkuatkuasa dengan **SERTA-MERTA**.

Sekian.

'BERKHIMDAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'



(DATUK Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.)
Setiausaha Kerajaan Negeri